

# 274 pelajar sertai Kem Matematik Perdana UMS

DE 23.9.2014-6

KOTA KINABALU: Seramai 274 orang peserta terdiri kalangan pelajar-pelajar dari 21 sekolah menengah dekat sini menyertai Kem Matematik Perdana 2014 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS yang telah diadakan selama tiga hari bermula 19 September.

Penganjuran kem tersebut turut mendapat kerjasama Kementerian

Belia dan Sukan Sabah (KBBS), Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu dan Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah.

Penganjuran kem tersebut adalah untuk merangsang minat peserta-peserta terhadap ilmu matematik di samping dapat mengasah minda peserta agar berfikir secara kritikal.

Majlis penutupan kem itu telah disempurnakan Dekan Fakulti Sains dan

Sumber Alam UMS, Profesor Madya Dr. Baba Musta bagi mewakili Naib Canselor UMS yang diadakan di Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS, di sini, Ahad lepas.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Haji Awang Damit Haji Ag. Anak serta Pengerusi Kem Matematik Perdana 2014, Dr. Abdullah Bade.